

26 OCT 1999

Mahathir-Bank

RANCANGAN PENGGABUNGAN TIDAK TINDAS BANK BUKAN BUMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan yang penggabungan bank didaya utamakan kerajaan cenderung menindas bank-bank milik bukan bumiputera.

"Tidak. Bank Bumiputra adalah yang pertama digabungkan, Sime Bank adalah satu lagi. Kesemuanya adalah bank bumiputera," tegas beliau.

Pihak berkuasa tidak menindas sama sekali tetapi sebaliknya melaksanakan penggabungan bank menurut keupayaan bank-bank itu, beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Forum Perniagaan Afrika-Asia di sini.

"Memang, sesetengah orang ingin menjadikannya satu perkara perkamuman tetapi itu adalah kerja Pembangkang," katanya.

Ditanya banyak mana bank orang Cina akan tertinggal pada akhir urusan penggabungan itu, perdana menteri berkata beliau tidak tahu kerana beliau tidak melihat komposisi kaum pemilikan bank.

"Saya tidak lihat perkara seumpama itu, sama ada ia adalah Cina atau Melayu," tambahnya.

Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan bank orang Cina mempunyai pemegang saham Bumiputera manakala bank-bank Bumiputera mempunyai pemegang saham bukan Bumiputera.

Dr Mahathir berkata tiada sebab bagi bank-bank "sedih" kerana mereka diberikan kebebasan untuk memutuskan mengenai rakan-rakan kongsi mereka dan siap di kalangan mereka patut menjadi bank peneraju.

Perdana Menteri berkata: "Saya kira yang paling kuat akan menjadi peneraju dan itu terpulang kepada mereka.

"Bagaimanapun, jika mereka gagal untuk memutuskan di kalangan mereka sendiri mengenai perkara ini, kerajaan mungkin terpaksa campur tangan. Di dalam hal ini, kami mungkin mencari beberapa bank kecil untuk menjadi bank peneraju.

"Jadi mereka lebih baik cari (kerana) menjelang 2000, jika mereka tidak berbuat sesuatu, kami akan mencari beberapa bank kecil untuk menjadi bank peneraju."

Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan, melalui Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), sebelum ini telah memutuskan mengenai enam bank peneraju sebagai langkah agar bank-bank tempatan bertindak balas kepada gesaan penggabungan itu.

"Kami telah memberitahu mereka supaya bergabung lama dahulu tetapi mereka tidak berbuat sesuatu. Kita terpaksa kejutkan mereka supaya bertindak balas sedikit atau jika tidak mereka akan berlengah-lengah," katanya.

Dr Mahathir berkata bank-bank pada amnya telah menyambut baik program penggabungan dipercepatkan sebelum ini dengan enam bank peneraju.

Tetapi katanya bank-bank (biasanya) ingin bergabung secara sukarela tetapi "memang dengan sedikit desakan oleh kerajaan."

Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengumumkan bahawa bank-bank tempatan telah diberikan kelonggaran dalam proses penggabungan di mana mereka boleh memilih kumpulan-kumpulan penggabungan dan bank-bank peneraju mereka sendiri.

Perdana menteri juga berkata kerajaan mahu mempunyai bilangan bank peneraju yang optimum.

"Enam adalah nombor yang disarankan (tetapi) kita tidak ketat mengenai perkara ini dan kita sentiasa amat fleksibel," tambahnya.

-- BERNAMA  
AD/SHY OS